

# Musa: Pastikan bekalan untuk hari raya cukup

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hari ini mengarahkan semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan memastikan bekalan barang-barang keperluan lebih dari mencukupi di semua tempat di seluruh negara menjelang Hari Raya Puasa ini.

Belliau membuat arahan itu selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Barang-Barang Perlu ketika mesyuarat jawatankuasa itu

di Bilik Gerakan Negara, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Menurut Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Samad Mahadi, mesyuarat hari ini sebahagian besarnya membincangkan tindakan menjamin bekalan dan paras harga barang-barang keperluan untuk hari raya.

## Paras harga

Ini meliputi tepung, gula, telur, daging, ayam, beras pulut dan beberapa jenis barang keperluan yang ter-

masuk dalam senarai 25 jenis barang yang digolongkan sebagai barang-barang kawalan sementara oleh Kementerian Perdagangan.

Bagaimanapun, laporan kementerian tersebut baru-baru ini menunjukkan bahawa bekalan barang-barang keperluan adalah lebih dari mencukupi bagi keperluan menjelang Hari Raya Puasa.

Encik Samad berkata, masalah yang dihadapi oleh pengguna ialah perbezaan antara harga borong dan harga runcit yang tidak seimbang.

Mesyuarat hari ini menumpukan perhatian kepada cara-cara untuk mencegah kenaikan harga walaupun tidak terdapat kekurangan bekalan.

## Mengejut

Jawatankuasa Kabinet mengenai Barang-Barang Perlu dianggotai oleh 30 orang termasuk Menteri-Menteri Kewangan, Perdagangan, Pertanian, Perusahaan Awam, Perusahaan Utama, Penerangan dan wakil-wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta ketua-ketua jabatan dan agensi-agensi kerajaan.

Sementara itu, Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan telah mula menjalankan pemeriksaan mengejut di seluruh negara mulai 13 Jun lalu bagi menentukan pekedai runcit tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang keperluan menjelang hari raya ini.

Semua unit penguatkuasa dengan 400 orang pegawai telah diarah membuat pemeriksaan mengejut oleh Pegawai Bahagian Penguatkuasa, Haji Nik Salleh Nik Mat.

Haji Nik Salleh sewaktu mengeluarkan arahan itu berkata, langkah tersebut bertujuan memastikan bekalan harian tidak kekurangan di samping mengawal penyelewengan oleh pekedai-pekedai runcit.

Pada masa ini ada 600,000 buah kedai menjual barang-barang keperluan di seluruh negara.

## Jaminan

Bahagian itu juga telah membuka bilik gerakan yang menerima aduan dari orang ramai mengenai masalah mendapatkan barang-barang keperluan dan penyelewengan harga.

Orang ramai boleh menghubungi bilik gerakan itu dengan menelefon 943356 dan 942156 pada masa pejabat untuk membuat aduan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Osman Din memberi jaminan bekalan daging untuk keperluan menjelang hari raya adalah lebih dari mencukupi.

Katanya, para pengimport telah diberi kebenaran untuk mengimport daging halal dari beberapa buah negara seperti Australia, New Zealand, India, Thailand dan Amerika Syarikat.

Katanya, harga satu kilo daging adalah di antara \$8.50 hingga \$10.00 mengikut keadaan tempat. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia